

Pemikiran Guru Cemerlang Mata Pelajaran Tingkatan Enam Dalam Pengajaran

Mokhtar Pet,* Ahmad Johari bin Sihes,

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding author : mokhtarpet@yahoo.com

ABSTRAK

Pendidikan tingkatan enam merupakan satu saluran bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran di peringkat prauniversiti. Wujudnya pendidikan prauniversiti yang banyak di Malaysia menyebabkan pendidikan tingkatan enam menghadapi persaingan sengit, dengan itu memberi kesan terhadap bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran tingkatan enam semakin berkurangan. Berkaitan dengan hal itu, guru cemerlang mata pelajaran tingkatan enam (GCMPT6) merupakan satu pihak yang penting dalam membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memartabatkan pendidikan tingkatan enam dalam aspek pengajaran. Kajian ini bertujuan menjawab persoalan iaitu pertama, apakah pemikiran GCMPT6 terhadap keperluan faktor luaran guru. Kedua, adakah faktor latar belakang GCMPT6 mempunyai kaitan terhadap domain pemikiran GCMPT6. Ketiga, adakah terdapat hubungan diantara faktor luaran GCMPT6, faktor latar belakang GCMPT6 dan domain pemikiran GCMPT6. Keempat, apakah model GCMPT6. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melakukan tinjauan menggunakan borang soal selidik ke atas GCMPT6. Statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratus (%) digunakan untuk menganalisis latar belakang GCMPT6. Analisis statistik deskriptif iaitu min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan darjah dan tahap keperluan GCMPT6 terhadap faktor luaran GCMPT6. Analisis ANOVA dua hala digunakan untuk menjawab hipotesis diantara domain pemikiran GCMPT6 berdasarkan faktor latar belakang GCMPT6. Analisis korelasi digunakan untuk menentukan hubungan diantara tiga pembolehubah iaitu faktor luaran GCMPT6, faktor latar belakang GCMPT6 dan domain pemikiran GCMPT6. Statistik analisis regresi pelbagai digunakan untuk menentukan model GCMPT6. Dengan ada kajian ini dapat membantu pihak yang terlibat terutama KPM dalam perancangan usaha-usaha memartabatkan pendidikan tingkatan enam.

Kata kunci : Guru cemerlang mata pelajaran tingkatan enam, pengajaran, domain pemikiran, faktor luaran GCMPT6, faktor latar belakang GCMPT6.

PENGENALAN

Pendidikan tingkatan enam merupakan satu saluran yang boleh digunakan untuk melanjutkan pengajian selepas pelajar mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar yang memilih saluran pendidikan tingkatan enam untuk melanjutkan pelajaran dikehendaki menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bagi mengukur pencapaian pelajar dalam bidang akademik sebagai kelayakan masuk di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Menurut Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), peperiksaan STPM menawarkan sebanyak 23 mata pelajaran yang dikategorikan dua aliran iaitu aliran kemanusiaan dan sains. Pelajar boleh mengambil peperiksaan STPM melalui calon sekolah bantuan penuh kerajaan, calon sekolah swasta dan calon persendirian. Calon yang mengambil melalui sekolah bantuan penuh kerajaan perlu bersekolah dan menerima pendidikan secara formal selama satu setengah tahun tempoh persekolahan.

Pendidikan tingkatan enam juga dikenali sebagai prauniversiti kerana pendidikan tingkatan enam menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang membolehkan pelajar meneruskan pengajian diperingkat ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi. Pengajaran tingkatan enam boleh dikenali sebagai pendidikan di sekolah tinggi sejajar dengan pandangan yang diutarakan oleh Parkay, F.W., & Stanford, B.H., (2010) dan Kauchak, D., & Eggen, P. (2011) menyatakan pendidikan sekolah tinggi melibatkan kebanyakan guru-guru sekolah tinggi yang mengajar empat atau lima kursus dalam sesuatu kandungan bidang. Guru-guru yang mengajar sekolah tinggi juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyeliaan pembelajaran dan aktiviti kokurikulum pelajar. Selain itu guru juga terlibat dengan mesyuarat akademik, pembangunan profesional dan seminar pendidikan. Guru sekolah tinggi juga berhubung dengan ibubapa atau penjaga, dan pihak pentadbiran untuk menyelesaikan masalah pelajar.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Persaingan yang hebat daripada pendidikan prauniversiti yang lain seperti program matrikulasi, diploma dan program asas persediaan di universiti telah menyebabkan pendidikan tingkatan enam tidak mendapat sambutan dikalangan pelajar lepasan SPM. Rentetan senario tersebut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha memartabatkan pendidikan tingkatan enam dengan mewujudkan satu garis panduan baru pengurusan tingkatan enam yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2009) iaitu pengurusan tingkatan enam dalam aspek kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid dan penyelidikan. Melalui pengurusan baru tersebut pengetua mengetahui

dalam pengurusan tersebut dengan dibantu oleh penolong kanan tingkatan enam, guru kokurikulum tingkatan enam, guru akademik tingkatan enam, juga termasuk guru cemerlang yang mengajar mata pelajaran tingkatan enam.

Perubahan pengurusan tingkatan enam mempunyai hubungkait dengan perubahan kurikulum dalam sistem pendidikan. Menurut Oliver (1977) apabila berlaku pembaharuan kurikulum dalam sesuatu sistem pendidikan pihak yang menyokong kepada perubahan tersebut ialah guru, pelajar dan kurikulum itu sendiri, tetapi pihak yang paling penting ialah guru. Dengan itu guru yang mengajar mata pelajaran tingkatan enam perlu ada satu perubahan pemikiran untuk menerima perubahan supaya matlamat penjenamaan semula pendidikan tingkatan enam dapat mencapai matlamat perubahan tersebut iaitu mengangkat martabat pendidikan tingkatan enam, mentransformasikan pentaksiran yang holistik, menyesuaikan pelajar dengan sistem pendidikan ala universiti, membina kemahiran mengurus diri secara berdikari. (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012).

Sejajar dengan perubahan pentaksiran dan penilaian ke atas pelajar tingkatan enam oleh MPM. Dengan itu pemikiran guru yang mengajar tingkatan enam perlu berubah bersesuaian dengan pentaksiran baharu yang diperkenalkan oleh MPM. Mengikut MPM (2012), sistem pentaksiran baharu STPM terbahagi kepada dua bentuk iaitu berdasarkan kepada peperiksaan akhir dan penilaian berasaskan sekolah (PBS). Peperiksaan akhir dijalankan sebanyak tiga penggal yang dikendalikan sepenuhnya oleh MPM dan PBS dimasukkan nilai wajaran dalam penentuan pencapaian prestasi pelajar dalam peperiksaan.

Tujuan utama perubahan pentaksiran dan penilaian ialah supaya matlamat penjenamaan semula pendidikan tingkatan enam dapat mencapai matlamat perubahan tersebut iaitu mengangkat martabat pendidikan tingkatan enam, mentransformasikan pentaksiran yang holistik, menyesuaikan pelajar dengan sistem pendidikan ala universiti, membina kemahiran mengurus diri secara berdikari. (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2012; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Guru cemerlang mata pelajaran tingkatan enam (GCMPT6) merupakan sebahagian tenaga pengajar kelas tingkatan enam memainkan peranan penting dalam penyampaian pengajaran. GCMPT6 telah terbukti sebagai guru yang mampu menunjukkan kebolehan dalam menerima perubahan pendidikan tingkatan enam kerana peralihan GCMPT6 melalui proses yang ketat yang dijalankan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM.

Dalam mencapai matlamat pendidikan tingkatan enam, GCMPT6 perlu mengubah pemikiran bermula dengan perancangan pengajaran, diikuti proses pengajaran dan selepas pengajaran. GCMPT6 perlu menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan pendekatan pengajaran yang dilaksanakan di universiti. Kaedah pengajaran yang lazim diamalkan di universiti seperti kaedah kuliah, kaedah tutorial dan kaedah projek.

Kaedah kuliah merupakan kaedah tradisional yang diamalkan tanpa penglibatan yang aktif daripada pelajar. Untuk itu kaedah kuliah-perbincangan boleh digunakan supaya penglibatan interaksi dua hala pelajar dengan guru dapat dilibatkan. Menurut Kauchak, D., & Eggen, P. (2011), kaedah kuliah-perbincangan merupakan satu strategi pengajaran yang direka bentuk untuk pengajaran bagi keseluruhan struktur tentang pengetahuan melalui guru membuat perbincangan dan kekerapan mengemukakan persoalan dalam mengendalikan kemajuan pembelajaran. Pengetahuan keseluruhan sesuatu tajuk berhubung kait dengan fakta, konsep dan asas-asas dan membuat hubung kait diantara satu sama lain secara eksplisit. Kaedah kuliah-perbincangan sesuai digunakan kerana boleh melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran berbanding menggunakan kuliah tradisional yang menekankan kepada komunikasi sehalu daripada guru kepada pelajar.

Kaedah tutorial ialah penyampaian bahan pengajaran dengan menyasarkan kumpulan pelajar yang kecil. Abdull Sukor Shaari (2011) menjelaskan secara praktiknya bilangan pelajar yang sesuai tidak melebihi 15 orang pelajar dengan dikendalikan seorang pemudah cara atau tutor. Pemudah cara tidak semestinya pakar, mungkin guru itu sendiri boleh dijadikan pemudah cara. Proses pengajaran kaedah tutorial agak bebas seperti perbincangan boleh dilakukan antara guru dengan pelajar untuk meningkatkan kefahaman pelajar.

Menurut Kamarudin (1990) kaedah projek merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan menggalakkan pelajar berminat mempelajari sesuatu perkara melalui pengalaman yang konkrit. Ini bermaksud pelajar boleh menjalankan kajian selidik di lapangan untuk menguatkan pengetahuan konsep dan prinsip yang dipelajari di dalam kelas. Mengikut strategi ini pelajar memainkan peranan yang aktif di dalam kelas termasuklah kaedah pembentangan dan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pendekatan modular dan kajian kes (Abdull Sukor Shaari, 2011). Berdasarkan pentaksiran baharu STPM, kaedah projek merupakan satu kaedah pengajaran amat sesuai digunakan dalam menyampaikan pengetahuan supaya pelajar boleh menjalankan PBS dengan cemerlang.

PERNYATAAN MASALAH


Usha KPM dalam memartabatkan pendidikan tingkatan enam supaya dapat menarik minat pelajar lepasan SPM meneruskan pengajian tingkatan enam sebelum menyambungkan pengajian di peringkat lebih tinggi. Menurut sumber Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM (2011) ialah bilangan pelajar yang meneruskan pengajian tingkatan enam semakin berkurangan daripada tahun 2007 hingga 2011. Pada tahun 2007 pelajar yang berada di tingkatan 6 Atas ialah 105,796 pelajar dan merosot pada tahun 2011 dengan bilangan pelajar 6 Atas ialah 48,143 pelajar. Kerosotan bilangan pelajar ini membuktikan pelajar lepasan SPM tidak menjadikan pendidikan tingkatan enam sebagai pilihan dalam melanjutkan pelajaran di peringkat prauniversiti.

Perubahan pengurusan pendidikan tingkatan enam yang diusahakan oleh KPM dan pentaksiran baharu yang dilaksanakan oleh MPM bermula tahun 2013 merupakan usaha-usaha yang dijalankan supaya pendidikan tingkatan enam dapat menarik minat pelajar lepasan SPM meneruskan pengajian pendidikan tingkatan enam. Oleh itu GCMPT6 memainkan peranan penting melaksanakan perubahan yang diusahakan supaya pengajaran yang dilaksanakan dapat meningkatkan pencapaian pelajar yang boleh memberi implikasi positif dalam pendidikan enam itu sendiri. Kaedah pengajaran tingkatan enam tidak sama dengan kaedah pengajaran tingkatan lima ke bawah, ini sesuai dengan pernyataan oleh Pascarella (2005) tentang pengajaran selepas pendidikan menengah menekankan bagaimana pelajar belajar dan membangunkan intelektual dengan meluaskan penggunaan pendekatan pengajaran inovatif. GCMPT6 yang mengajar tingkatan enam sewajarnya menggunakan kaedah yang berbeza untuk membangunkan intelek pelajar tingkatan enam sesuai dengan taraf pendidikan prauniversiti. Pendekatan pengajaran inovatif boleh menarik perhatian pelajar seperti mana penekanan oleh Stodolsky dan Grossman (2000).

TUJUAN KAJIAN

Terdapat empat objektif kajian iaitu menentukan pemikiran GCMPT6 terhadap keperluan faktor luaran guru, menentukan sama ada faktor latar belakang GCMPT6 boleh memberi pengaruh terhadap domain pemikiran GCMPT6, menentukan hubungan diantara faktor luaran GCMPT6, faktor latar belakang GCMPT6 dan domain pemikiran GCMPT6 dan menentukan model GCMPT6. Objektif kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian iaitu apakah GCMPT6 terhadap keperluan faktor luaran guru GCMPT6, adakah faktor latar belakang GCMPT6 mempunyai kaitan terhadap domain pemikiran GCMPT6, adakah terdapat hubungan diantara faktor luaran GCMPT6, faktor latar belakang GCMPT6 dan domain pemikiran GCMPT6, dan apakah model GCMPT6.

Berdasarkan kepada objektif dan persoalan kajian, penyelidik telah merangkakan konsep kajian berdasarkan kepada kerangka teori kajian berdasarkan gabungan Model Pemikiran Guru dan Tindakan oleh Clark dan Peterson (1986), Model Perancangan Guru Myers (1995), Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (2006) dan Mitchell, D (2004) dan Kauchak, D., & Eggen, P. (2011),



Rajah : Kerangka Konsep Kajian

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan untuk mengenalpasti faktor luaran GCMPT6 dan faktor latar belakang GCMPT6 dalam memberi pengaruh domain pemikiran GCMPT6. Melalui kaedah tinjauan semua data akan dikumpul dalam satu masa tertentu sahaja, kelazimannya menggunakan instrumen soal selidik (Dooley, 1984; Najib, 1999). Penyelidik menggunakan GCMPT6 dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu latar belakang GCMPT6, faktor luaran GCMPT6 dan domain pemikiran GCMPT6.

Statistik deskriptif digunakan untuk melihat taburan kekerapan dan peratus (%) demografi GCMPT6. Maklumat latar belakang GCMPT6 yang terdapat dalam instrumen bahagian A ialah dalam aspek jurutera, status perkahwinan, kelulusan akademik tertinggi, gred jawatan guru cemerlang, kekerapan mengikuti kursus berkaitan penyelidikan, waktu mengajar seminggu, pengalaman mengajar sebagai guru, pengalaman mengajar sebagai GCMPT6, mata pelajaran tingkatan enam yang diajar sebagai guru cemerlang dan pengkhususan ijazah sarjana muda.

Untuk menjawab soalan kajian iaitu “Apakah pemikiran GCMPT6 terhadap keperluan faktor luaran GCMPT6” Analisis min dan sisihan piawai digunakan untuk mengetahui tahap keperluan GCMPT6. Keperluan faktor luaran GCMPT6 merupakan data sela berdasarkan skala Likert daripada 1 hingga 5. Jadual 1 di bawah menggambarkan tahap keperluan terhadap faktor luaran GCMPT6.

Jadual 1 : Hubungan nilai min dengan tahap keperluan (Mohd Najib, 2003)

Min	Tahap Keperluan	Huraian Tahap Keperluan
1.00 – 2.33	Negatif	Tidak Diperlukan
2.34 – 3.66	Sederhana	Diperlukan
3.67 – 5.00	Positif	Sangat Diperlukan

Bagi menjawab soalan kajian “Adakah faktor latar belakang GCMPT6 mempunyai kaitan terhadap domain pemikiran GCMPT6.” Hipotesis soalan kajian ini ialah ‘Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara domain pemikiran GCMPT6 berdasarkan faktor latar belakang GCMPT6 iaitu pengalaman mengajar, pengalaman GCMPT6, subjek kepakaran, subjek pengkhususan, waktu mengajar seminggu dan kelulusan akademik. analisis ANOVA dua hala digunakan untuk menjawab persoalan tersebut. Soalan kajian “Adakah terdapat hubungan diantara faktor luaran GCMPT6, faktor latar belakang GCMPT6 dan domain pemikiran GCMPT6” statistik analisis korelasi digunakan untuk menguji hipotesis. Tidak ada hubungan yang signifikan diantara faktor luaran GCMPT6 dengan domain pemikiran GCMPT6. Interpretasi nilai pekali korelasi berdasarkan saiz korelasi 0.91 hingga 1.00 interpretasi adalah terlalu tinggi / terlalu kuat, 0.71 hingga 0.90 interpretasi adalah tinggi / kuat, 0.51 hingga 0.70 interpretasi adalah sederhana, 0.31 hingga 0.50 interpretasi adalah rendah / lemah, 0.01 hingga 0.30 interpretasi adalah sangat rendah / sangat lemah dan saiz 0 interpretasi adalah tiada korelasi (Gravetter dan Wallnau, 2004).

Menjawab persoalan “Apakah model GCMPT6.” Penyelidik menggunakan Analisis Regresi Pelbagai merupakan satu kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis perhubungan satu pemboleh ubah kriteria yang dikenali sebagai pemboleh bersandar dengan satu atau lebih pemboleh ubah peramal iaitu dikenali sebagai pemboleh ubah bebas. Dalam analisis kajian ini domain pemikiran GCMPT6 merupakan pemboleh ubah kriteria manakala faktor luaran GCMPT6 dan faktor latar belakang GCMPT6 merupakan pemboleh ubah peramal. Penyelidik menggunakan analisis korelasi separa sebagai satu prosedur bagi mengenalpasti perhubungan linear dua pemboleh ubah dengan mengawal pemboleh ubah lain dalam kajian. Pemboleh ubah yang dikawal supaya tidak memberi kesan terhadap dua pemboleh ubah dalam kajian dikenali sebagai kovariat.

TINJAUAN LITERATUR

Guru Cemerlang

Menurut Jemaah Nazir (1997), Guru Cemerlang (GC) adalah guru yang mempunyai kualiti peribadi dan kepimpinan yang boleh diteladani serta sentiasa mencapai mutu kerja yang cemerlang selain berusaha membentuk akhlak mulia dan membuktikan peningkatan prestasi akademik dan ko kurikulum para pelajarnya disamping cemerlang peribadi, kerja, komunikasi dan potensinya. Ini diperkukuhkan lagi dengan takrifan oleh Sekolah dan Pihak Berkuasa Tempatan di England, (2007) mentakrifkan Guru Cemerlang sebagai guru yang mempunyai pengalaman lama, luas dan mendalam, kecemerlangan dalam pedagogi, latihan dan bimbingan, dan kemahiran tunjuk ajar yang tinggi. Mereka memiliki kemahiran kualiti pengajaran yang tinggi dan dijadikan contoh kepada guru-guru kelas yang kurang berpengalaman.

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2010) GC merangkumi definisi : Guru pakar, guru cekap, guru yang berkebolehan, guru yang berkualiti dan guru yang berkesan atau guru efektif. GC ialah pengajar atau pendidik berjaya yang mempunyai kelayakan akademik lagi berilmu, sangat baik, berkesan, bijak dan pakar dalam bidang P&P. Kebijaksanaannya sehingga mampu menggunakan kepelbagaian kaedah serta menjadikan P&P suatu pengalaman yang menyeronokkan. Ini ditambahkan dengan kemampuannya mengaitkan ilmu isi kandungan pelajaran dengan kehidupan sebenar para pelajarnya sehingga mampu meningkatkan sahsiah, sifat dinamik dan kecemerlangan akademik para pelajarnya. Mereka mampu mendokumentasikan segala idea dan perancangannya, sangat berdedikasi, bermotivasi dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab. Selain itu, GC juga ialah mereka yang ikhlas, unggul, memiliki ilmu, ketinggian peribadi, boleh bekerjasama dengan rakan sekerja dan pihak atasan, dan serta selalu membuat refleksi sendiri untuk memperbaiki P&P mereka.

Model Pemikiran dan Tindakan Guru Clark & Peterson

Clark & Peterson (1986) menjalankan kajian berkaitan dengan proses pemikiran guru ialah untuk meningkatkan kefahaman bagaimana dan mengapa proses dan aktiviti pengajaran berlaku. Dalam model pemikiran dan tindakan guru terdapat penglibatan dua domain dalam proses pengajaran. Setiap domain pemikiran guru digambarkan sebuah bulatan. Domain yang pertama ialah proses pemikiran guru dan domain kedua ialah tindakan guru dan kesannya boleh diperhatikan. Proses pemikiran guru berlaku di dalam pemikiran minda seseorang guru dan keadaan ini tidak boleh diperhatikan. Sebaliknya tingkah laku guru, tingkah laku pelajar dan skor pencapaian pelajar boleh diperhatikan terhadap fenomena yang berlaku. Tiga katogeri utama proses pemikiran guru ditekankan dalam domain : (a) perancangan guru (pemikiran pre aktif dan pos aktif), (b) pemikiran dan keputusan interaktif guru, dan (c) teori dan kepercayaan guru. Fasa pengajaran guru yang berlaku secara kualitatif berbeza diantara pre aktif, inter aktif dan pos aktif dengan bentuk-bentuk pemikiran guru sebelum dan selepas interkasi dalam bilik darjah. Teori dan kepercayaan guru pula menggambarkan pengetahuan yang dimiliki oleh guru akan memberi kesan kepada perancangan dan interaktif pemikiran dan keputusan guru.

Model Keputusan Perancangan Guru Myers (1995)

Myers dan Myers (1995) menyenaraikan enam komponen yang perlu ada dalam unit pengajaran iaitu (i) tetapkan objektif yang perlu dicapai oleh pelajar. Dengan menggunakan standard kandungan, guru-guru perlu mewujudkan dan mengenalpasti satu pelan unit yang perlu dicapai oleh pelajar. Pelan ini termasuklah mengenal pasti matlamat yang perlu pelajar menguasainya atau boleh dicapai setelah tamat unit (ii) kandungan yang perlu dipelajari. Bekerja dalam satu unit, guru-guru perlu mengenal pasti semua kandungan yang perlu diajar (iii) strategi pengajaran yang digunakan oleh guru. Guru akan mempertimbangan strategi pengajaran yang sesuai digunakan untuk menyampaikan isi kandungan yang ditetapkan kepada pelajar. Pemilihan strategi pengajaran perlu mengambil kira keperluan-keperluan tertentu berdasarkan kehendak pelajar di dalam kelas. Antara strategi pengajaran yang boleh digunakan ialah pengajaran langsung, pengalaman pembelajaran koperatif, pembelajaran bersama dengan rakan sebaya. Perancangan pengajaran perlu diambil kira kemampuan mencapai objektif pengajaran (iv) aktiviti pembelajaran untuk pengalaman bagi pelajar. Pelajar perlu mempelajari kandungan yang diperlukan oleh akhir unit. Aktiviti pembelajaran harus direka bentuk untuk bersesuaian dengan kekuatan pelajar dan menggunakan model pengajaran tertentu untuk meningkatkan kefahaman pelajar (v) penggunaan sumber. Pastikan senarai bahan-bahan yang perlu digunakan untuk melengkapkan unit pengajaran. Perancangan awal yang dibuat oleh guru boleh membantu guru dalam pengajaran serta mengelakkan guru tergesa-gesa mencari bahan dalam membantu aktiviti pengajaran dan (vi) kaedah penilaian untuk menilai prestasi pelajar. Penilaian yang digunakan dapat menentukan sama ada pelajar telah memenuhi objektif unit yang telah ditetapkan. Guru boleh menggunakan pelbagai jenis penilaian seperti ujian aneka pilihan, projek-projek individu atau kumpulan, kertas penyelidikan dan menjalankan ujian.

Penyelidikan dan Keinovatifan Individu

Berkaitan dengan itu, Kauchak, D., & Eggen, P. (2011), kajian tindakan yang dilakukan oleh guru merupakan satu langkah untuk memahami dan memeriksa secara kritikal adalah satu cara guru dapat meningkatkan pengetahuan profesionalisme dengan membuat kajian tersebut di dalam bilik darjah. Semua guru pakar boleh melakukan kajian tindakan secara berterusan untuk mencari jawapan tentang keberkesanan pengajaran. Kajian tindakan merupakan satu proses secara formal, penyediaan struktur untuk percubaan guru meningkatkan amalan pengajaran. Secara umumnya terdapat empat langkah yang dijadikan panduan guru mengendalikan kajian tindakan iaitu mengenalpasti masalah, rancang dan kendalikan kajian tindakan, laksanakan penemuan dan gunakan keputusan untuk generalisasikan kajian tambahan.

Keinovatifan individu yang dikemukakan oleh Mitchell, D (2004) menyatakan terdapat 20 ciri yang terdapat pada seseorang individu yang inovatif iaitu cabaran kedudukan semasa, ingin tahu, motivasi sendiri, berwawasan, meraikan sesuatu yang hebat, mengambil risiko, berkeliling, suka bermain/ kelucuan, penerimaan diri sendiri,

membuat hubungan baru, refleksi, mengiktiraf semua pola, menerima kekaburan, setuju untuk pembelajaran, mengimbangi intuisi dan analisis, suasana kerjasama, mengucapakan secara jelas dengan rasmi, berdaya tahan, tabah, dan fleksibel/adaptif. Untuk mewujudkan guru cemerlang, ciri-ciri pemikiran inovatif perlu diterapkan dalam proses perancangan pengajaran supaya dijadikan sandaran dalam proses pengajaran yang dijalankan dalam bilik darjah.

RUMUSAN

Perbincangan hasil dapatan dari kajian memberi fokus kepada aspek teori, model yang berkaitan dengan kerangka kajian. Teori dan model yang terlibat dalam kajian ini ialah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi domain pemikiran guru cemerlang mata pelajaran tingkatan enam dalam pengajaran. Tinjauan literatur yang dimuatkan ini ialah faktor kecemerlangan GCMPT6 bergantung faktor luaran guru dan latar belakang guru termasuklah faktor persenoliti guru itu sendiri. Perbincangan juga tertumpu terhadap lapan domain pemikiran guru cemerlang yang dikupas dalam bentuk teori dan model. Selain itu kajian ini dapat meninjau aspek guru yang berkesan dalam pengajaran. Semua aspek yang dibincangkan boleh dijadikan satu model guru cemerlang mata pelajaran tingkatan enam.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari. (2011). *Pedagogi Dari Sekolah Ke Institut Pendidikan Tinggi*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. Sintok.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2009). *Garis Panduan Tingkatan Enam*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Clark, C.M. & Peterson, P.L. (1986). Teacher's Thought Process In. Witrock, M.C. Handbook of research on teaching. *A project of the American Educational Research Association*. Ed. ke-3. New York: Macmillan Publishing Company.
- Dooley, D. (1984). *Social Research Methods*. New Jersey : Prentice-Hall.
- Gravetter, P.J. & Wallnau, L.G. (2004). *Essentials of Statistics for Behavioral Science*. (6th Ed.) Belmont, CA: Thomson Learning.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2006.) *Terma Rujukan Konsep Guru Cemerlang*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jemaah Nazir Sekolah. (1997). *Pemilihan Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia*. Satu Kajian Kes. Tesis PhD. UKM.
- Kauchak, D., & Eggen, P. (2011). *Introduction to teaching : Becoming a profesional* (4 th Ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Majlis Peperiksaan Malaysia (2012). *Sistem Pentaksiran Baharu STPM*. [Brochur]. Gombak: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Mitchell, D. (2004). *Qualities of An Innovator*. New York: Idea Champions.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Myers, C.B. & Myers, L.K. (1995). *The professional educator. A new introduction to teaching and schools*. Belmont: Wadworth Publishing Company.
- Oliver, A. (1977). *Curriculum Improvement*. (2nd Ed.). New York: Harper & Row, Publishers.
- Parkay, F.W., & Stanford, B.H., (2010): *Becoming a teacher* (8 th Ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Pascarella E.T. (2005) How College Affects Students. *Volume 2 A Third Decade of Research*. Jossey-Bass: A Wiley Imprint.
- Stodolsky, S.S. & Grossman, P.L. (2000). Changing students, changing teaching. *Teachers College Record*. 102 (1): 125-172.